

Index
No.

						-	
--	--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS1EN/2

SECONDARY 1 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 4

BAHASA MELAYU
(KERTAS 2)

MALAY
(PAPER 2)

Additional Materials: Answer Booklet

Total Time: 1 h 30 min

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Write your Index No. in the boxes at the top right hand corner.
2. Do not turn over this page until you are told to do so.
3. Follow all instructions carefully.
4. Answer all questions.
5. Write your answers in the spaces provided.



This question paper consists of 12 printed pages.

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Sukan bukan sahaja sejenis aktiviti fizikal yang dilakukan untuk mengisi masa lapang. Malah, bersukan kini sudah menjadi trend dalam (1) kalang remaja disebabkan oleh keupayaannya untuk mengeluarkan peluh lantas membolehkan mereka (2) jaga imej dan bentuk badan yang langsing. Pelibatan remaja dalam aktiviti sukan telah sedikit sebanyak meningkatkan tahap kesihatan. Ia juga telah (3) kurang risiko obesiti. Bagi golongan yang menyedari kepentingan gaya hidup sihat, sukan (4) jadi sebagai rutin harian. Kebanyakan remaja didapati memilih berlari-lari anak sebagai aktiviti sukan kegemaran. Aktiviti-aktiviti seperti bola keranjang, bola tampar dan bola lantai pula memenuhi (5) hendak golongan yang menyukai pertandingan. Walaupun apa jua jenis sukan yang diceburi, semangat yang positif ini harus diteruskan demi kebaikan diri.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

SOALAN A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan.

- (A) alah bisa tegal biasa
- (B) ada kerak adalah nasi
- (C) ada gula adalah semut
- (D) bagai hujan jatuh ke pasir
- (E) air pun ada pasang surutnya
- (F) malu berkayuh perahu hanyut
- (G) bagai menelan mestika embun
- (H) ditatang bagai minyak yang penuh
- (I) bagaimana acuan begitulah kuihnya
- (J) belakang parang jikalau diasah nescaya tajam

Nurin ialah anak bongsu Pak Salman dan Mak Endang. Jiran-jirannya selalu memuji Nurin yang mengikut sikap ibunya yang lemah lembut dan rajin. Maklumlah, _____ (6) _____. Sepulangnya dari sekolah, Nurin akan membantu ibunya menjual nasi lemak dari rumah ke rumah. Walaupun Nurin penat, dia tidak merungut kerana sudah _____ (7) _____. Ibu bapa Nurin amat bersyukur kerana Nurin memang seorang anak yang baik. Malah, Nurin juga _____ (8) _____ kerana dia sering menerima nasihat berguna daripada ibu bapanya. Menurut mereka, Nurin tidak patut mensia-siakan pelajarannya. Ibu bapanya percaya bahawa jika Nurin belajar dengan bersungguh-sungguh, dia berupaya mengubah keadaan hidup keluarganya pada masa hadapan kerana _____ (9) _____. Pada mulanya, Nurin di antara pelajar yang lemah dalam pelajaran. Namun, gurunya, Cikgu Faizah, tidak pernah berputus asa mengajarnya kerana dia percaya bahawa _____ (10) _____. Mujurlah, Nurin berjaya meraih keputusan yang cemerlang di sekolah.

6. () 7. () 8. () 9. () 10. ()

SOALAN A3 (10 markah)

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

adalah	nasihat	terbabit
ialah	panduan	terpinggir
meliputi	rintihan	

Setiap orang pasti pernah didatangi rakan yang berkongsi tentang masalah-masalah mereka. Masalah yang dikongsi boleh ____ (11) ____ pelbagai perkara seperti pertikaian keluarga, kesulitan di sekolah, mahupun isu-isu dengan teman lelaki atau wanita mereka. Kadangkala, kita sendiri tidak tahu bagaimana untuk memberikan tindak balas.

Namun sebenarnya, apa yang perlu kita lakukan ialah dengarkan sahaja ____ (12) ____ mereka. Kebanyakan masanya, rakan-rakan kita hanya memerlukan seseorang untuk meluahkan perasaan mereka. Oleh itu, tidak perlulah untuk kita memberikan sebarang ____ (13) ____ atau mengatakan bahawa kita sendiri pernah melaluinya. Ini kerana, setiap senario ____ (14) ____ unik dan tidak selalu dapat dibandingkan.

Biarlah teman kita itu meluahkan segalanya yang terpendam dalam hati mereka. Yang penting sekali, kita patut mendampingi mereka supaya mereka tidak berasa ____ (15) ____ dan keseorangan. Usahlah biarkan mereka rasa terabai.

11. _____

12. _____

13. _____

14. _____

15. _____

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1




Kenalilah Jiran Tetangga Anda

Anda Tidak Tahu Apa Yang Mereka Lalui

- Semua orang menjalani kehidupan yang berbeza-beza.
- Janganlah sesekali kita menghakimi kelakuan jiran kita.
- Manusia semuanya unik. Jangan kita samakan kehidupan kita dengan mereka.


anda
tidak
tahu

betapa sukar dia telah cuba



dia
tidak
tahu

betapa susah kamu bekerja



Saranan

- Ambil inisiatif untuk mengenali mereka yang tinggal di sekeliling kita.
- Mungkin mereka perlukan sokongan anda.
- Jika anda mempunyai masa, dampingi dan dengarlah luahan hati mereka.
- Berikan sokongan moral dan sebarkan tenaga positif – mungkin suatu hari, anda juga memerlukannya!

Gerakan Baik Budi

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

16. Tujuan utama poster ini adalah untuk menasihati pembaca agar _____.

- (A) bergerak dengan baik dan berbudi
- (B) mengetahui betapa susahnyanya jiran mereka bekerja
- (C) mengenali jiran tetangga mereka dengan lebih mendalam
- (D) mengetahui betapa sukarnya jiran mereka telah mencuba

()

17. Selain mendengar luahan hati jiran kita, kita juga patut _____.

- (A) menghakimi kelakuan jiran kita
- (B) menjalani kehidupan yang berbeza-beza
- (C) memberi sokongan moral kepada mereka
- (D) membandingkan kehidupan mereka dengan kita

()


18. 'Menghakimi' dalam poster ini bermaksud _____.

- (A) mencaci
- (B) menghina
- (C) mengadili
- (D) membenci

()

Petikan 2

PALU SULAWESI PERLUKAN BANTUAN ANDA



- Gempa sekuat 7.4 pada skala Richter melanda Palu di Indonesia pada 28 Sep 2018.
- Akibatnya, tercetus kejadian Tsunami.
- Lebih 2.4 juta penduduk menjadi mangsa.
- Lebih 1200 terkorban.
- Lebih 48,000 penduduk kehilangan tempat tinggal.
- Sekitar 650 orang dilaporkan cedera.

Bantuan yang diperlukan:

- Khemah
- Makanan kotak dan tin
- Bekalan air
- Bekalan perubatan

Ada masa lapang?

Kami memerlukan relawan untuk bantu usaha mencari dan menyelamatkan. Sekiranya kamu mampu atau mengenali seseorang yang sedia menghulurkan bantuan, sila e-mel kepada

BantuPalu@relawan.co.id

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

19. Punca terjadinya Tsunami di Palu Sulawesi ialah _____.

- (A) lebih 1,200 orang terkorban
- (B) sekitar 650 dilaporkan cedera
- (C) gempa sekuat 7.4 skala Richter melanda Palu
- (D) lebih 4,800 penduduk kehilangan tempat tinggal

()

20. Berikut merupakan cara orang ramai boleh menghulurkan bantuan **kecuali** _____.

- (A) mendirikan khemah
- (B) mendermakan bekalan perubatan
- (C) menjadi sukarelawan untuk bantu usaha mencari dan menyelamatkan
- (D) menggalakkan kenalan untuk membantu dalam usaha mencari dan menyelamatkan

()

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Firasatku tidak enak. Aku tidak sepatutnya berjalan balik seorang diri pada waktu selewat ini. Perasaan marah menyelubungi diriku sambil aku menggenggam kuat beg sekolahku. Aku membuka langkah untuk mempercepatkan rentak pergerakanku. Namun setiap kali aku berbuat demikian, aku dapat merasakan bahawa pergerakan di belakangku juga bertambah pantas. Aku cuba menjeling ke belakang. Ternyata, memang ada bayang-bayang yang **menyusuliku** dari belakang.

5

Jantungku berdegup kencang. Seseorang yang tidak diketahui telah mengekoriku sejak aku keluar dari sekolah. Apabila aku menyedari kewujudannya, aku sudah pun berada di kawasan yang sunyi sepi. Nasib memang tidak menyebelahiku. Telefon bimbitku mati. Oleh itu, aku tidak mempunyai siapa-siapa untuk memohon pertolongan. Bulan yang dilindungi awan serta cahaya lampu yang **malap** di tepi kaki lima tidak aku hiraukan. Namun, yang aku kesali ialah kesepian suasana malam membuat bunyi tapak kaki yang mengekoriku itu kedengaran lebih jelas.

10

Adakah dia pencuri? Adakah dia akan menyerang aku? Adakah dia hantu? Memori cerita hantu yang aku tonton dengan kawanku minggu lalu terngiang kembali di benak fikiranku. Ingin sekali aku toleh ke belakang untuk melihat apa yang mengekoriku namun perasaan takut membuatku terus tunduk ke bawah sambil melayan kakiku yang menggigil-gigil. Aku rasa jikalau aku membuat sesuatu terburu-buru, pasti **padah** akan menyusuli. Pelbagai senario bermain-main dalam benak fikiranku.

15

Aku menarik nafas yang panjang sambil aku memikirkan perkara-perkara yang boleh berlaku namun, tidak dapatku bayangkan apa-apa selain ancaman yang berada di belakangku. Mungkin, aku boleh berlari secepat mungkin. Tetapi apakan daya, rumahku masih jauh. Aku mencuri pandang ke kiri dan kanan dan mula memikirkan satu rancangan. Aku cuba menganggarkan berat beg yang dipikul, mujur aku tidak membawa banyak barang ke sekolah hari ini.

20

Secara **mendadak**, aku melompat masuk ke dalam semak sambil mengusung begku di atas kepala. Bila-bila masa sahaja, orang yang mengekoriku itu pasti akan muncul. Sejurus kelibatnya kelihatan, aku terus menghayunkan beg dan menghentamnya berkali-kali dengan segala kekuatan yang ada.

25

"Aduh! Sakitlah!" teriak lelaki itu dalam kesakitan sambil dia melindungi kepalanya daripada hentamanku.

Aku tidak berhenti dan terus menghentamnya bertalu-talu.

"Henti, henti! Apa yang engkau nak buat ini?" jerit lelaki itu dengan penuh kemarahan sambil dia cuba menggenggam tangan aku.

30

Aku pun berhenti memukul lelaki itu sejurus aku dapat mengenali suaranya. Aku menjenguk raut wajahnya. Ternyata, lelaki itu ialah jiranku, Firas. Aku bertanya kepadanya mengapa dia mengekoriku seperti seorang perompak.

"Kau dah gila? Kita kan tinggal di flat yang sama. Sudah pastilah aku akan ambil laluan yang sama untuk pulang. Lagipun, tempat ini dipenuhi dengan kamera litar tertutup di mana-mana. Siapa yang berani membuat apa-apa? Cubalah fikir dengan logik!" balas Firas sambil dia menolak aku ke

35

tepi lalu bergegas pergi.

Perasaan bersalah menyelubungi hatiku. Ternyata aku terlalu curiga sehingga berfikir bukan-bukan sehingga menyakiti seorang yang langsung tidak bersalah. Ketakutanku tadi langsung tidak masuk akal. Aku menghembus nafas yang panjang sambil meneruskan perjalanan pulang.

40

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

21. Mengapakah penulis berasa marah terhadap dirinya? (3 markah)

22. Mengapakah penulis menghentikan niatnya untuk toleh ke belakang untuk melihat apa yang mengekorinya? (3 markah)

23. Untuk menyelamatkan dirinya, apakah rancangan yang telah penulis fikirkan? (3 markah)

24. Apakah yang menyebabkan penulis berhenti memukul lelaki itu? (3 markah)

25. "Nasib memang tidak menyebelahiku." (baris 8) Apakah **dua** sebab penulis berkata demikian? (5 markah)

26. "Cubalah fikir dengan logik!" (baris 36) Jelaskan sebab-sebab jiran penulis, Firas, mendakwa bahawa penulis tidak berfikir dengan logik. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 27 hingga 30, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

27. menyusuli (baris 5) (2 markah)

28. malap (baris 10) (2 markah)

29. padah (baris 16) (2 markah)

30. mendadak (baris 22) (2 markah)

SELESAI